

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Negara sedia ke fasa endemik, beri lebih kelonggaran

Kuala Lumpur: Negara sudah bersedia kembali kepada kehidupan normal, mengambil kira pelbagai indikator yang menunjukkan wabak COVID-19, bukan lagi ancaman utama kepada rakyat dan sektor kesihatan awam.

Pakar Perubatan Kesihatan Awam, Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, berkata secara keseluruhannya, ketahanan sistem kesihatan awam dan rakyat berada dalam keadaan baik terutama pengurusan dan pencegahan COVID-19.

"Ya, Malaysia sudah bersedia ke arah itu. Ini bukan sahaja melihat kepada satu perkara tetapi kepada pelbagai faktor yang mempengaruhi."

"Satu daripadanya, kita dapat lihat trend kes positif COVID-19 semakin menurun. Bukan itu sahaja, dalam masa sama, jumlah bilangan kes serius dan kemasukan ke hospital turut mencatatkan penurunan," katanya kepada BH.

Terdahulu, Jumaat lalu, Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa,

dilapor berkata keputusan sama ada negara beralih ke fasa endemik COVID-19 akan diputuskan selepas dibentangkan dalam mesyuarat Jemaah Menteri minggu ini.

Jika mendapat kelulusan, beliau akan mengumumkan keputusan terbabit termasuk berkaitan prosedur operasi standard (SOP) baharu.

Dr Zainal yang juga Pengerusi Volunteers For Community Engagement and Empowerment For COVID-19 (VCEE19), berkata liputan imunisasi yang berada di tahap

baik turut memperkukuhkan lagi keputusan peralihan itu.

Ditanya mengenai keperluan meneruskan prosedur operasi standard (SOP) sedia ada bagi mencegah COVID-19, katanya, sebaliknya ia diteruskan kerana wabak berkenaan masih belum lenyap sepenuhnya.

"Teruskanlah dengan SOP yang ada, tetapi berikan kelonggaran kepada rakyat."

"Misalnya, bagi pemakaian pelitup muka, tidak perlu diwajibkan, tetapi sebagai pilihan kepada yang hendak memakainya," katanya.

Secara keseluruhannya, ketahanan sistem kesihatan awam dan rakyat berada dalam keadaan baik terutama pengurusan dan pencegahan COVID-19

Dr Zainal Ariffin Omar,
Pakar Perubatan Kesihatan Awam



AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : KOMENTAR

BH Rabu, 28 Jun 2023

Komentari

11

Wakaf kesihatan bantu atasi isu kenaikan kos perubatan



Pensyarah Kanan
Universiti
Teknologi MARA
(UiTM) Kampus
Seri Iskandar

Oleh Dr Siti Nadiyah Mohd Ali
bhrencana@bh.com.my

Kenaikan kos rawatan kesihatan dan pertambahan penduduk menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung perbelanjaan tinggi, sekali gus memberikan cabaran kepada sistem kesihatan negara untuk mencari penyelesaian seimbang antara keperluan kewangan dengan kebajikan pesakit.

Hal itu turut menjadi tumpuan dalam Kertas Putih Kesihatan termasuk cadangan mengkaji dan menyemak semula struktur fi rendah di klinik, hospital serta fasiliti berkaitan.

Pada masa sama, Kementerian Kesihatan (KKM) wajar memanfaatkan wakaf kesihatan yang dapat dilakukan melalui kerjasama dengan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) seperti konsep wakaf air.

Sebenarnya, YWM sudah mewujudkan Sijil Wakaf Tunai Kesihatan, iaitu kutipan daripada orang ramai akan dilaburkan, manakala pulangan manfaatnya akan digunakan untuk membiayai aktiviti kebajikan berkaitan kesihatan.

Dana wakaf dikumpul itu, akan dipindah kepada aset kekal merangkumi objektif kesihatan mengikut kesesuaian dan peraturan diguna pakai seperti membiayai pembelian alat kesihatan untuk kebajikan masyarakat, ubat-ubatan dan alatan bantuan perubatan untuk pesakit kurang berkemampuan.

Konsep wakaf kesihatan bukan hanya memabitkan wang, peralatan atau ubatan, malah ia boleh dalam bentuk kepakaran terutama oleh

pegawai perubatan.

Wakaf kepakaran ini boleh dimulakan dengan mewakafkan masa perkhidmatan kepada petugas kesihatan yang ingin menyumbang melalui skim kepakaran, sekali gus membolehkan KKM mempunyai pangkalan data berkaitan berapa banyak masa diperuntukkan pastinya bernilai jutaan ringgit.

Hakikatnya, sistem ekonomi ketiga seperti wakaf memiliki kekuatan untuk memastikan kelestarian dan kesinambungan kebajikan sosial. Ia berpotensi untuk meningkatkan akses terhadap layanan kesihatan berkualiti.

Kejayaan wakaf tunai kesihatan itu boleh dijadikan batu loncatan dalam usaha membangunkan hospital, pusat kesihatan atau fakulti perubatan wakaf, sekali gus memberi peluang kepada masyarakat kurang berkemampuan mendapatkan rawatan perubatan serta pendidikan perubatan.

Rekod kepada usaha ini sudah ada, iaitu kerjasama KKM dalam membangunkan Bangunan Wakaf Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Perlis (MAIPs) serta Pusat Perkhidmatan Dialisis Hospital Tuanku Fauziah.

Pusat perkhidmatan dialisis mula beroperasi sejak Ogos 2020 dengan kapasiti 69 katil dan kos pembinaan RM6.2 juta itu menggunakan konsep dana wakaf tunai, sekali gus memberi petanda positif bahawa gerakan wakaf perlu disuntik dengan kesedaran dan pengetahuan mendalam.

Manfaat kerjasama strategik

Oleh itu, kerjasama strategik antara KKM dengan YWM dan pihak berkuasa wakaf perlu diterjemah-

kan segera agar lebih ramai rakyat kurang berkemampuan akan mendapat manfaatnya.

Hakikatnya, wakaf di negara ini mengalami perkembangan signifikan dalam tempoh 20 tahun, malah sektor korporat seperti Johor Corporation (JCorp) melalui bekas Ketua Pegawai Eksekutif, Allahyarham Tan Sri Ali Hashim banyak menabur bakti dalam wakaf kesihatan khususnya di Johor melalui Klinik Wakaf An-Nur.

Antara keunikan klinik itu, ia memberikan rawatan kesihatan secara meluas kepada semua tanpa memandang latar belakang sosial, agama atau etnik apabila tetap mengutamakan kualiti walaupun mengenakan pembiayaan rendah, bahkan memberikan rawatan secara percuma kepada pesakit tidak berkemampuan.

Apapun, usaha menggerakkan Skim Wakaf Tunai Kesihatan perlu dibuat secara berstruktur dan strategi terutama bagi mendapat serta membina keyakinan rakyat untuk terbabit secara langsung.

Ini termasuk memberikan kesedaran dan kefahaman kepada masyarakat mengenai konsep wakaf tunai kesihatan ini melalui kempen penerangan di media massa, penulisan bercetak serta program pendidikan.

Penjelasan mengenai manfaat wakaf kesihatan dan kaedah pelaksanaan perlu dibuat secara terperinci termasuk mewujudkan poster menarik melalui infografik yang positif secara jelas dan mudah difahami.

Hakikatnya, kita mahu wakaf kesihatan ini menjadi landasan untuk kita menciptakan perubahan bererti dalam masyarakat dengan memberikan kekayaan kesihatan baik, berkualiti dan lestari.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 21
RUANGAN : NASIONAL

Ketagihan rokok perlu penyelesaian komprehensif

**Kerajaan kaji
cadangan, tambah
baik dasar demi
kepentingan,
kesihatan rakyat**

Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 telah dibentangkan untuk bacaan kali pertama di Parlimen sebelum dirujuk sekali lagi kepada Jawatankuasa Pilihan Khas (JKPK) Kesihatan.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa memaklumkan bahawa ahli Parlimen, badan profesional serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO) mahukan beberapa perkara di bawah RUU tersebut dinilai dan diperincikan lebih lanjut.

Antara perkara yang dimaksudkan ialah larangan terhadap penggunaan produk alternatif bebas asap kepada sesiapa yang dilahirkan selepas tarikh 1 Januari 2007.

Tidak dinafikan, merokok telah lama menjadi kebiasaan kesihatan utama di seluruh dunia kerana ia mengandungi pel-

bagai jenis bahan beracun berbahaya termasuk tar dan karbon monoksida.

Namun, menurut ramai pakar termasuk Pengurus Projek dan Integrasi Pengetahuan PMI, Mark Bentley, kandungan nikotin bukanlah punca utama penyakit berkaitan merokok seperti kematian akibat kanser, paru-paru dan penyakit jantung.

Sebaliknya, punca utama adalah asap rokok yang mengandungi lebih 6,000 jenis bahan kimia yang dihasilkan melalui proses pembakaran tembakau dari rokok konvensional, di mana dalam 6,000 jenis bahan kimia ini, terdapat lebih daripada 100 telah diklasifikasikan sebagai bahan kimia yang berbahaya dan berpotensi berbahaya.

Jika ingin dibandingkan, produk alternatif seperti produk tembakau yang dipanaskan (*Heated Tobacco Products*) atau vape tidak menggunakan proses pembakaran untuk menghantar dos nikotin kepada penggunaanya.

Contohnya, produk tembakau yang dipanaskan hanya memanaskan tembakau dan seterusnya tidak membebaskan kebanyakan bahan kimia berbahaya.

Menurut Ketua Saluran Pro-

fesional Global PMI, Dr Thomas McGrath, kajian menunjukkan bahawa apabila suhu tembakau meningkat, tahap bahan kimia berbahaya dan berpotensi berbahaya juga meningkat.

"Sebaliknya, tahap keseluruhan bahan kimia berbahaya dan berpotensi berbahaya dapat dikurangkan dengan ketara jika ia tidak melibatkan pembakaran.

"Jadi, dalam aerosol sistem pemanasan tembakau, paras bahan kimia berbahaya dan berpotensi berbahaya ini secara purata akan dikurangkan sebanyak 90 hingga 95 peratus berbanding asap rokok," katanya.

Justeru, produk tembakau yang dipanaskan adalah berbeza dengan rokok konvensional kerana risikonya yang berbeza profil dan potensi pengurangan bahaya.

Produk alternatif

Pengamal perubatan dan Pengarusi, Pengasas dan Pengarah Persatuan Pengurangan Kemudaratan Tembakau Australia, Dr Colin Mendelsohn, pula berkata sudah tiba masanya doktor dan pengamal perubatan mempertimbangkan produk alternatif seperti vape nikotin dalam strategi Pengurangan Kemudaratan Tembakau (THR).

"Ia boleh digunakan sebagai bantuan berhenti jangka pen-



Rokok mengandungi pelbagai jenis bahan beracun berbahaya termasuk tar dan karbon monoksida. (Foto hiasan)

dek atau sebagai alternatif jangka panjang yang kurang memudaratkan berbanding merokok," katanya.

Sementara itu, Pakar Perunding Respiratori Kumpulan Perubatan Johor (KPJ) Hospital Pakar Johor, Dr Muhammad Redzwan S Rashid Ali, turut mengakui vape tampak sebagai alternatif kepada rokok tembakau, walaupun tiada bukti jelas dari sudut perubatan.

Beliau juga menegaskan, mengikut konteks kesihatan awam dan global, alternatif kepada rokok ini berpotensi besar sebagai alat mencegah tabiat merokok tetapi kawalan dan pemantauan perlu dilakukan.

Menurut Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2022, jumlah perokok remaja masih berada pada tahap yang tinggel iaitu 6.2 peratus walaupun telah berkurang dari 13.8 peratus pada tahun 2017.

Ini menunjukkan bahawa perokok di Malaysia bermula merokok dari zaman remaja lagi walaupun dilarang membeli rokok jika bawah umur 18 tahun.

Dasar GEG, walaupun melarang pembelian rokok kepada sesiapa yang dilahirkan selepas 1 Januari 2007, ia bakal mencetuskan pembangunan pasaran gelap rokok.

Justeru, penelitan komprehensif GEG perlu dipertimbangkan dari semua aspek termasuklah sudut sains dan strategi pendekatan pengurangan kemudaratan tembakau (THR) wajar dipertimbangkan, seperti yang terbukti di negara-negara seperti United Kingdom, New Zealand dan Filipina.

Jika tidak, dibimbangi ia sukar untuk dikuatkuasakan, seterusnya dilihat memberi kesan kepada keseluruhan termasuk ekonomi dan pencetusan pasaran gelap.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : DALAM NEGERI

Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan terus jadi persoalan

PETALING JAYA: Cadangan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan seperti dibangkitkan sebelum ini menjadi tanda tanya memandangkan perkara itu tidak terkandung dalam Kertas Putih Kesihatan setelah dibentangkan dan diluluskan di Parlimen.

Dokumen menggariskan empat tonggak dan 15 strategi reformasi kesihatan untuk 15 tahun akan datang itu langsung tidak menyentuh penubuhan sebuah entiti khas untuk kesihatan sama seperti Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan, Suruhanjaya Pasukan Polis dan Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman.

Hal ini setelah Kementerian Kesihatan sejak pentadbiran kerajaan dahulu pernah menyatakan hasrat memasukkan cadangan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan dalam Kertas Putih Kesihatan, namun ia tidak berlaku.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Pertubuhan Doktor-doktor Islam Malaysia (Perdim), Dr. Boi Saidi Abdul Razak menegaskan, sudah tiba masanya skim kesihatan dipisahkan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan diletakkan di bawah entiti sendiri bagi menambahbaik kualiti dan sistem kesihatan negara.

Jelasnya, langkah itu akan membolehkan Kementerian Kesihatan mengawal sendiri jumlah petugas diperlukan mengikut keperluan semasa.

"Selain itu, kita melihat usaha ini (pemisahan skim kesihatan daripada JPA) dapat memudahkan penyerapan doktor-doktor baharu dan pengambil-bilan mereka sebagai penjawat awam yang boleh ditentukan oleh kementerian sendiri.

"Pada umumnya, birokrasi penerimaan perjawatan baharu dapat dikurangkan dan Kementerian Kesihatan dapat bergerak lebih progresif tanpa sekat," katanya ketika dihubungi.

Semalam, Dewan Negara

meluluskan usul Kertas Putih Kesihatan sebagai satu daripada hala tuju reformasi sistem kesihatan negara selepas dibahaskan oleh 27 Senator.

Pada 15 Jun, Dewan Rakyat meluluskan usul Kertas Putih Kesihatan selepas dapat sokongan majoriti ahli Parlimen menerusi undian suara pada hari terakhir Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Ke-15.

Dalam pada itu, Dr. Boi Saidi menyokong skim kesihatan dipisahkan daripada JPA agar mengurangkan birokrasi pengambilan perjawatan baharu kerana Kementerian Kesihatan dapat bergerak lebih progresif tanpa sekat.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 17
RUANGAN : VIEWS

Ministry warns of rising dengue fever cases

KUALA LUMPUR: The number of dengue fever cases increased by 7.7% to 2,808 cases between June 11 to 17, compared to 2,608 cases reported in the previous week.

Two deaths due to complications from dengue fever were also reported during the June 11-17 period, which was the 24th Epidemiological Week (ME24), said Health director-general Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan.

He said the cumulative number of dengue fever cases reported up to ME24 increased by 149.6% to 54,139 cases compared to 21,688 cases for the same period in 2022.

"A total of 39 deaths due to dengue fever complications were reported compared to 15 deaths for the same period in 2022," he said in a statement as reported by Bernama.

Dr Muhammad Radzi said the number of dengue fever hotspots in ME24 increased to 110 localities compared to 95 hotspots in the earlier week.

There are 84 hotspots in Selangor, 14 locations in Kuala Lumpur and Putrajaya, four each in Kedah and Penang, three in Sabah and one in Perlis.

Regarding surveillance for chikungunya, Dr Muhammad Radzi said two chikungunya cases were recorded in ME24 and the cumulative number of chikungunya cases to date is 137 cases.

"Monitoring at the National Dengue Operation Room found that the number of dengue fever cases is high and has the potential to continue to increase if no preventive measures are taken by all parties,

including the community.

"As a proactive measure, check every container inside and outside the house and make sure there is no water reservoir for Aedes mosquitoes to breed," he said.

In IPOH, mayor Datuk Rumaizi Baharin said that the city has seen a 200% increase in dengue cases.

Between January until June 17, he said there had been a total of 681 cases reported here.

"Compared to last year during the same period, we had 210 cases reported. Currently, there is only one uncontrolled epidemic area on Kg Baru Gunung Rapat which had four cases reported. All the cases are expected to end by June 27.

"There are eight other localities in the city that have several ongoing dengue cases but are still under control. The highest is at Taman Ipoh Jaya with five cases, followed by Taman Che Wan, Taman Klebang Jaya, Seri Palma, and Kg Tersusun Tawas Tambahan with three cases respectively," he told reporters yesterday.

Kg Rapat Jaya Tambahan, Bandar Baru Sri Klebang, and Kg Pengkalan Pegoh have two cases each.

Rumaizi said to curb the dengue problems, the Ipoh City Council (MBI) along with its councilors would be conducting more on-the-ground programmes.

"Until June 17, our officers and personnel have conducted 351 inspections involving over 20,000 homes and other premises. From these inspections, we have issued 65 compound notices worth RM32,500.

"We also had to refer 30 cases to the court as the premises had failed to settle the notices," he said.

And in line with MBI's goal to be the cleanest city in the country, he said that starting next year, commercial premises in Ipoh which failed to have clean toilets would not be able to renew their business licences.

"Right now, we are doing inspections at places such as restaurants and coffee shops. If their toilets are in bad condition, we will give them until December to upgrade these toilets."

To date, Rumaizi said 592 out of 897 toilets at eateries in the city had received four-star ratings.

The council had also issued 288 compound notices amounting to RM67,500 against premises for offences such as poor toilet hygiene.

He said that some businesses, such as shopping malls, managed to get the highest rating for their toilets "but we still had complaints about other places failing to provide a clean toilet."

"The highest rating system for toilets is five stars and we do have several places that achieved this rating."

"The lowest right now is three stars. For next year, all toilets at commercial premises must have four stars and above," he said.

He said that some business owners explained that they did not have enough workers to clean the toilets, especially during peak business hours.



Remedy: A Klang Municipal Council worker fogging as dengue cases rise at Bandar Sultan Suleiman, Port Klang.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Dengue cases up by 7.7%

KUALA LUMPUR: The number of dengue fever cases increased by 7.7% to 2,808 cases in the 24th epidemiological week (ME24), which is for the period June 11 to 17, compared with 2,608 cases reported the previous week.

Health Director-General Datuk Dr Muhammad Radzi Abu Hassan said two deaths due to dengue fever complications were also reported in ME24.

He added that the cumulative number of dengue fever cases reported up to ME24 increased by 149.6% to 54,139 cases compared with 21,688 for the same period in 2022.

"A total of 39 deaths due to dengue fever complications were reported compared with 15 deaths for the same period in 2022."

Muhammad Radzi said the number of dengue fever hotspots in ME24 increased to 110 locations compared with 95 hotspots in the earlier week.

There were 84 hotspots in Selangor, 14 in Kuala Lumpur and Putrajaya, four each in Kedah and Penang, three in Sabah and one in Perlis.

On surveillance for chikungunya, Muhammad Radzi said two cases were recorded in ME24 and the cumulative number of cases to date was 137.

On Zika surveillance, a total of 1,381 blood samples and 69 urine samples were screened and the results were all negative.

"Monitoring at the national dengue operation room found that the number of cases was high and the figures have the potential to continue to increase if no preventive measures are taken by all parties, including the community."

"As a proactive measure, check every container inside and outside the house and make sure there is no stagnant water for mosquitoes to breed," he said. - Bernama